



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my

SULIT

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-14/15/5 Jld 2 (23)

Tarikh : 24 Jun 2025

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (*TAX COMPLIANCE CERTIFICATE - TCC*) KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN BAGI PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN (PERUNDING DAN BUKAN PERUNDING) DAN KERJA

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri//Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri//Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate - TCC*) telah dikuatkuasakan sepenuhnya di peringkat tawaran kepada semua agensi Kerajaan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan melalui surat MoF rujukan MOF.BPK(S)600-14/15/5 JLD.2 (14) bertarikh 8 Januari 2024. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan melalui Belanjawan 2022 yang digariskan pada Strategi 3: Konsolidasi Fiskal dan Kemampuan Hasil, Inisiatif 2: Langkah-langkah Kemampunan Hasil di bawah langkah keenam sebagai mekanisme untuk meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela oleh pembayar cukai.

3. Berdasarkan impak positif pelaksanaan TCC bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan tersebut, MoF telah memperluas pelaksanaannya kepada perolehan kerja dengan melaksanakan projek rintis terlebih dahulu bersama beberapa agensi Kerajaan bagi tempoh enam (6) bulan mulai 1 Oktober 2024 hingga 31 Mac 2025. Walau bagaimanapun, mekanisme pelaksanaannya adalah berbeza berbanding kategori perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang mana semakan pematuhan dokumen TCC dilaksanakan di peringkat pembukaan dokumen tawaran. Sekiranya dokumen TCC tidak dikemukakan atau berstatus 'Tidak Patuh' atau bukan dokumen yang sah, maka Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah menetapkan status pematuhan dokumen sebagai 'Gagal' dan mengakibatkan tawaran pembekal tidak layak dinilai ke peringkat seterusnya.

4. Oleh itu, bagi memastikan sokongan berterusan terhadap inisiatif yang telah diputuskan melalui Belanjawan 2022 tersebut serta penerimaan yang positif daripada semua agensi Kerajaan yang terlibat, maka mekanisme pelaksanaan pengemukaan TCC akan diseragamkan kepada semua kategori perolehan dan hendaklah dilaksanakan oleh semua kementerian/jabatan berdasarkan mekanisme berikut:

i. Tarikh Kuatkuasa

- a. Penguatkuasaan sepenuhnya dengan menjadikan pengemukaan TCC sebagai syarat tambahan wajib dalam dokumen tawaran perolehan Kerajaan mulai 1 Julai 2025;
- b. Bagi perolehan yang diiklankan dan ditutup sebelum 1 Julai 2025 atau sedang di peringkat penilaian/memuktamadkan perolehan, proses perolehan boleh diteruskan sehingga peringkat Pihak Berkuasa Melulus (**PBM**). Pengemukaan TCC yang memenuhi syarat iaitu masih berkuatkuasa dan berstatus 'Patuh' hendaklah dijadikan sebagai syarat mandatori untuk dikemukakan oleh pembekal dilantik sebelum Surat Setuju Terima (**SST**) dikeluarkan. Dalam hal ini, agensi hendaklah melaksanakan perkara seperti berikut:
 - i. Mengeluarkan Surat Niat kepada pembekal untuk tindakan perkara berkaitan dan TCC dikemukakan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemakluman kepada syarikat. SST hendaklah dikeluarkan dengan kadar segera setelah dokumen diterima; atau
 - ii. Sekiranya pembekal gagal untuk mengemukakan TCC yang memenuhi syarat dalam tempoh ditetapkan, agensi perlu membawa semula kepada PBM untuk pertimbangan pembekal lain yang layak atau keputusan-keputusan lain yang wajar diputuskan; dan
 - iii. Agensi hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan seperti di perenggan (i) dan (ii) adalah masih dalam tempoh sah laku. Agensi hendaklah melaksanakan perolehan baharu sekiranya tempoh sah laku telah tamat.

ii. Mekanisme Pelaksanaan

- a. Pengemukaan TCC diwajibkan bagi semua kaedah perolehan di bawah semua kategori bekalan, perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) dan kerja sama ada secara manual ataupun melalui sistem;
- b. Agensi hendaklah memastikan senarai semak yang disediakan turut mengambilkira pengemukaan TCC dalam dokumen tawaran bagi memastikan pembida dapat mengemukakan tawaran perolehan yang lengkap dengan semua dokumen diperlukan;

SULIT

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-14/15/5 Jld 2 (23)

Tarikh : 24 Jun 2025

- c. Bagi perolehan dilaksanakan melalui PK7: Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan, pengemukaan TCC hendaklah ditetapkan sebagai salah satu dokumen wajib bagi tujuan tuntutan bayaran oleh syarikat. Agensi hendaklah memastikan TCC dikemukakan adalah masih sah dan berkuatkuasa (Patuh atau Tidak Patuh);
- d. Bagi perolehan dilaksanakan secara Pembelian Terus atau Lantikan Terus atau Kerja-Kerja *Requisition*, pengemukaan TCC hendaklah dijadikan sebagai syarat wajib untuk dikemukakan oleh syarikat sebelum Pesanan Kerajaan atau Inden Kerja atau SST dikeluarkan;
- e. Bagi perolehan dilaksanakan secara Lantikan Terus Berserta Kos Siling, pengemukaan TCC hendaklah ditetapkan dalam masa 7 hari selepas Surat Niat dikeluarkan oleh agensi;
- f. Pengemukaan TCC juga diwajibkan kepada pembida daripada negara FTA yang menyertai perolehan Kerajaan sepertimana pembekal tempatan kerana peraturan cukai perniagaan turut terpakai kepada syarikat asing yang menjalankan aktiviti perniagaan di Malaysia;
- g. Tiada sebarang pengecualian ke atas pengemukaan TCC termasuklah pembida yang berada di zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas seperti ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990;
- h. Pengemukaan TCC yang memenuhi syarat hendaklah dijadikan sebagai satu dokumen wajib dan perlu dikemukakan oleh pembida semasa menyertai perolehan Kerajaan. Semakan pematuhan dokumen TCC hendaklah dilaksanakan di peringkat pembukaan dokumen tawaran. Sekiranya dokumen TCC tidak dikemukakan atau berstatus 'Tidak Patuh' atau bukan dokumen TCC yang sah (telah tamat tempoh atau palsu), maka Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah menetapkan status pematuhan dokumen sebagai 'Gagal' dan mengakibatkan tawaran pembida tidak layak dinilai ke peringkat seterusnya; dan
- i. Pelaksanaan mekanisme ke atas perolehan yang dilaksanakan melalui Sistem ePerolehan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

SULIT

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-14/15/5 Jld 2 (23)

Tarikh : 24 Jun 2025

5. Sehubungan itu, selaras dengan berkuatkuasanya Surat ini, surat MoF rujukan MOF.BPK(S)600-14/15/5 JLD.2 (14) bertarikh 8 Januari 2024 adalah **dibatalkan**. Sukacita menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri//Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk memastikan pelaksanaan perolehan dengan mengambil kira elemen pengemukaan TCC dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus dan tatakelola yang baik melalui pematuhan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI)

Bahagian Perolehan Kerajaan

b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.:

KSP

TKSP(M)

SBDSP

TSK(O)

TSK(S)

TSK(K)

YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin

Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Hasil Dalam Negeri

Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Menara Hasil, Aras 18

Persiaran Rimba Permai, Cyber 8

63000 CYBERJAYA, SELANGOR

Encik Mohammad Nazri bin Ismail

Pengarah

Jabatan Pungutan Hasil

Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Menara Hasil, Aras 15

Persiaran Rimba Permai, Cyber 8

63000 CYBERJAYA, SELANGOR

LAMPIRAN A**SENARAI EDARAN LUAR**

- 1. YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar**
Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
- 2. YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
- 3. YBhg. Tan Sri Mohd Dusuki bin Mokhtar**
Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Aras 16, No.45, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
- 4. YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi**
Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
Aras 9, Blok F2, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA
- 5. YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Tingkat 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

- 6. YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
- 7. YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA
- 8. YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
- 9. YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
- 10. YBhg. Dato' Yusran Shah bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perlindungan dan Komoditi
Aras 10, No. 15, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA

11. YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D3, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA

12. YBhg. Dato' Sri Amran bin Mohamed Zin

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra 1
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 PUTRAJAYA

13. YBhg. Datuk Dr. Hajah Maziah binti Che Yusoff

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No.55, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

14. YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi

Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 10, Blok F9, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA

15. YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron

Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara PRISMA
No.26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA

16. YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib

Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

17. YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

18. YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

19. YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

20. YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Blok E4/5, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA

21. YBhg. Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Aras 9, No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

22. YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Aras 11 (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA

23. YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA

24. YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa

Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

25. YBhg. Dato' Mad Zaidi bin Mohd Karli @ Sukari

Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
Aras 15, Menara PETRA
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA

26. YBhg. Dato' Hairil Yahri bin Yaacob

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR

27. YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/I Kim

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Blok F11, Kompleks F,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
62000 PUTRAJAYA

28. YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar

Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

29. YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim

Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 5, Blok A, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR

30. YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

31. YBhg. Datuk Nor Yati binti Ahmad

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 8, Bahagian Pengurusan Tertinggi
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 PUTRAJAYA

32. YBhg. Tuan Fablan Bigar

Ketua Setiausaha
Kementerian Digital
Aras 14, Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62652 PUTRAJAYA

LAMPIRAN B

LAMPIRAN B1

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE
CERTIFICATE - TCC) KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN BAGI PEROLEHAN
KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN (eP)**

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini¹ bertujuan untuk menjelaskan kepada Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) berhubung tindakan yang perlu diambil dalam Sistem ePerolehan (eP) susulan pengemaskinian/perubahan pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) dalam perolehan Kerajaan. Mekanisme pelaksanaan TCC kini adalah wajib tanpa penetapan syarat skor bagi penilaian.

2. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/PTJ

2.1. Bagi kaedah perolehan pembelian terus, Kementerian/PTJ hendaklah mengambil tindakan berdasarkan senario berikut:

2.1.1. Pembelian Terus (One-off) (sehingga RM50 ribu)

Pembekal hendaklah memuat naik TCC yang sah semasa penyediaan invois untuk diserahkan kepada Kementerian/PTJ. Pegawai Padanan Bayaran hendaklah memastikan TCC telah dimuat naik oleh pembekal sebelum melaksanakan padanan bayaran.

2.1.2. Pembelian Terus (Bermasa) (sehingga RM50 ribu)

Pembekal hendaklah memuat naik TCC yang sah semasa penyediaan invois untuk diserahkan kepada Kementerian/PTJ. Pegawai Padanan Bayaran hendaklah memastikan TCC telah dimuat naik oleh pembekal sebelum melaksanakan padanan bayaran. Aktiviti memuat naik TCC ini hanya perlu dilaksanakan bagi padanan bayaran yang pertama sahaja. Bayaran berikutnya tidak perlu disertakan dengan TCC.

2.2. Bagi kaedah perolehan sebut harga/tender, Kementerian/PTJ hendaklah mengambil tindakan berdasarkan senario berikut:

A. Sebelum/Pada 1 Julai 2025**(i) Peringkat Jawatankuasa Spesifikasi**

(a) Sebut harga/tender yang dicipta atau diluluskan pelantikan Jawatankuasa Spesifikasi sebelum 1 Julai 2025, Jawatankuasa

¹ Dalam Garis Panduan ini, tanda petikan tunggal (' ') merujuk kepada petikan khusus dalam Sistem eP manakala tanda petikan (" ") merujuk kepada petikan selain daripada Sistem eP.

Spesifikasi hendaklah menetapkan/ meminda keperluan elemen TCC yang dipaparkan secara automatik di Senarai Semak Kewangan dengan ketetapan berikut:

- (1) Nama elemen: *Tax Compliance Certificate* (TCC)
- (2) Mekanisme: Pembekal Muat Naik
- (3) Tindakan pembekal: Muat Naik
- (4) Skor: Tidak ditanda

	Tajuk / Dokumen	Mekanisma	Tindakan Pembekal	Skor
	Sijil Pemuatan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC)	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	

- (b) Ahli dan Pengerusi hendaklah memastikan ketetapan dalam Sistem eP adalah seperti 2.2(A)(i)(a) sebelum tindakan mengesah/memperaku diambil. Sekiranya petak 'Skor' didapati bertanda , tindakan 'Kaji semula' hendaklah diambil untuk dikembalikan kepada Setiausaha bagi meminda ketetapan skor tersebut.

(ii) **Peringkat Urus Setia Perolehan/Pelulus Pengiklanan**

Urus Setia Perolehan/Pelulus Pengiklanan hendaklah memaklumkan kepada Jawatankuasa Spesifikasi untuk meminda 'Skor' kepada **tidak ditanda**. Setiausaha Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah meminda 'Skor' melalui menu 'Penyelenggaraan Spesifikasi' dan pindaan ini perlu disah/diperaku semula oleh Ahli/Pengerusi Jawatankuasa sebelum tindakan selanjutnya boleh diambil oleh Urus Setia Perolehan/Pelulus Pengiklanan.

(iii) **Peringkat Pengiklanan Dan Selanjutnya**

Setelah iklan ditutup dan tawaran pembekal diterima, Kementerian/PTJ meneruskan tindakan seperti di perenggan 2.2(B)(iii). Seterusnya, Jawatankuasa Penilaian/Penilaian Kewangan hendaklah menetapkan 'Skor Maksima' sebagai '5' bagi elemen TCC dan proses perolehan selanjutnya diteruskan seperti biasa.

B. Bermula 1 Julai 2025

(i) **Peringkat Jawatankuasa Spesifikasi**

- (a) Sebut harga/tender yang dicipta atau diluluskan pelantikan Jawatankuasa Spesifikasi bermula pada 1 Julai 2025, elemen TCC akan dipaparkan secara automatik di Senarai Semak Kewangan dengan ketetapan berikut:

- (1) Nama elemen: *Tax Compliance Certificate* (TCC)
- (2) Mekanisme: Pembekal Muat Naik
- (3) Tindakan pembekal: Muat Naik
- (4) Skor: Tidak ditanda

	Tajuk / Dokumen	Mekanisma	Tindakan Pembekal	Skor
	Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC)	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	

(ii) **Peringkat Penyediaan Dokumen Tawaran Oleh Pembekal**

Pembekal perlu memuat naik TCC yang sah dan berstatus "Patuh" semasa penyediaan tawaran.

(iii) **Peringkat Semakan Pematuhan Dokumen**



Semakan pematuhan TCC yang dikemukakan oleh pembekal dilaksanakan di peringkat pembukaan dokumen tawaran. Sekiranya pembekal tidak memuat naik dokumen TCC yang sah dan berstatus "Patuh", maka Jawatankuasa Penilaian/Pembuka hendaklah menetapkan status pematuhan dokumen sebagai "Tidak Mematuhi". Tawaran pembekal tidak akan dibawa ke peringkat penilaian seterusnya jika status pematuhan ditetapkan "Tidak Mematuhi" oleh Jawatankuasa Pembuka.

(iv) **Peringkat Jawatankuasa Penilaian/ Penilaian Kewangan**

Jawatankuasa Penilaian/ Penilaian Kewangan tidak perlu melaksanakan penilaian bagi elemen TCC.

(v) **Peringkat Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM)**

- (a) Urus Setia PBM boleh menyemak dokumen bagi pembekal yang disyorkan kepada PBM melalui tab 'Keputusan Mesyuarat' dalam Sistem eP. Klik ikon 'Lihat Cadangan Pembekal' mengikut kod pembekal yang disyorkan berdasarkan hasil penilaian Jawatankuasa Penilaian/ Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan. Kemudian, klik menu sisi 'Cadangan Kewangan'.



2.3. Perolehan yang dilaksanakan melalui Item Khas/PK7

Pembekal hendaklah memuat naik TCC yang sah semasa penyediaan invoice untuk diserahkan kepada Kementerian/PTJ. Bagi perolehan Item Khas/PK7, Pegawai Padanan Bayaran hendaklah memastikan TCC telah dimuat naik oleh pembekal sebelum melaksanakan padanan bayaran.



**GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 1 TAHUN 2025
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI
ATAU *TAX COMPLIANCE CERTIFICATE* (TCC)
KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN**

1. PENGENALAN

- 1.1 Melalui Ucapan Belanjawan 2022 di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan (2022), YB Menteri Kewangan telah membentangkan inisiatif langkah kemampunan hasil selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa di mana Kerajaan bercadang untuk memberikan layanan cukai secara sama rata. TCC yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah dijadikan sebahagian daripada dokumen prasyarat semasa pembayar cukai/ pembida mengemukakan permohonan bagi perolehan Kerajaan bermula tahun 2023.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tentang prosedur pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai atau *Tax Compliance Certificate* (TCC) untuk permohonan perolehan Kerajaan bagi semua kategori perolehan Kerajaan iaitu bekalan, perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) dan kerja bermula 1 Julai 2025.

2. MAKLUMAT AM

- 2.1 Penggunaan Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number* (TIN)

Pengeluaran dan semakan TCC adalah menggunakan TIN iaitu nombor cukai pendapatan sepertimana rekod sedia ada di LHDNM. Sekiranya pembayar cukai/ pembida belum mempunyai TIN, pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar di [Portal MyTax](#).

2.2 Kategori Pembayar Cukai/ Pembida

Pelaksanaan TCC adalah meliputi semua kategori pembayar cukai berikut:

- i. Syarikat (fail C)
- ii. Perkongsian Liabiliti Terhad (fail PT)
- iii. Koperasi (fail CS)
- iv. Badan Amanah (fail TA)
- v. Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah (fail TC)
- vi. Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta (fail TR)
- vii. Pertubuhan (fail F)
- viii. Perkongsian (fail D)
- ix. Individu Yang Menjalankan Perniagaan (fail IG)

3. PROSEDUR SEMAKAN DAN PENGELUARAN TCC

3.1 Tiada permohonan yang perlu dikemukakan oleh pembayar cukai/ pembida untuk mendapatkan TCC. Pembayar cukai/ Pembida boleh membuat semakan dan cetakan TCC secara sendiri melalui menu **Status MyTax** di Portal MyTax iaitu <https://mytax.hasil.gov.my>. Portal MyTax boleh diakses menggunakan nombor kad pengenalan/ passport dan kata laluan sebagaimana pembayar cukai mendaftar masuk bagi tujuan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui aplikasi e-Filing.

3.2 Semakan TCC boleh dilakukan oleh pembayar cukai/ pembida seperti berikut:

3.2.1 **Kategori individu** (perniagaan pemilikan tunggal)
TCC akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan dan TCC boleh terus disemak di Status MyTax pembayar cukai.

3.2.2 **Kategori selain individu** (Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Koperasi, Perkongsian, Pertubuhan dan lain-lain)
TCC akan dikeluarkan mengikut kategori pembayar cukai. Pembayar cukai perlu mempunyai peranan sebagai Pengarah Syarikat di Portal MyTax. Sekiranya pembayar cukai belum mempunyai peranan sebagai Pengarah Syarikat, permohonan peranan boleh dibuat di Profil MyTax masing-masing dengan memuat naik dokumen sokongan yang dinyatakan mengikut kategori. Maklumat lanjut berhubung kaedah permohonan peranan di MyTax boleh dirujuk seperti berikut: <https://mytax.hasil.gov.my> > Panduan Pengguna > Manual Penggunaan Permohonan Peranan.

3.3 Semakan dan cetakan TCC di Portal MyTax boleh dilakukan pada bila-bila masa mengikut keperluan pembayar cukai/ pembida.

3.4 Kriteria pematuhan cukai yang disemak bagi tujuan pengeluaran TCC adalah seperti berikut:

3.4.1 Pengemukaan BNCP

Pembayar cukai/ Pembida perlu memastikan BNCP dikemukakan setiap tahun mengikut tempoh pengemukaan BNCP yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

3.4.2 Bayaran Cukai Pendapatan

Pembayar cukai/ Pembida tidak mempunyai tunggakan cukai dan/ atau mematuhi jadual ansuran yang sedang berkuat kuasa.

3.5 Pembayar cukai/ Pembida yang memenuhi kriteria di perenggan 3.4 akan dikategorikan sebagai '**Patuh**'.

3.6 Pembayar cukai/ Pembida yang gagal mematuhi kriteria ditetapkan akan dikategorikan sebagai '**Tidak Patuh**'. Tindakan penyelesaian perlu diambil sepertimana yang dipaparkan di TCC untuk mengelakkan sebarang kesulitan semasa penyertaan dalam perolehan Kerajaan kelak.

3.7 Status TCC akan dikemas kini dan TCC boleh dicetak melalui Portal MyTax setelah semua isu ketidakpatuhan diselesaikan. Pembayar cukai/ Pembida hendaklah memaklumkan kepada LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my berserta dokumen sokongan sekiranya tindakan ke atas isu ketidakpatuhan telah diselesaikan untuk memastikan tindakan kemas kini status TCC dapat diambil sewajarnya.

3.8 **Tempoh sah laku TCC** adalah mengikut tahun kalendar semasa. Sebagai contoh, TCC bagi tahun 2025 mempunyai tempoh sah laku sehingga 31 Disember 2025. Pembayar cukai/ Pembida boleh menggunakan TCC berkenaan untuk tujuan pelbagai permohonan Perolehan Kerajaan selama mana ia masih berkuat kuasa seperti contoh berikut:

Tarikh Janaan Sijil	01/10/2025	Sah Laku Sijil
Tarikh Sah Laku Sijil	31/12/2025	
Tarikh Permohonan Pertama	06/10/2025	Sah
Tarikh Permohonan Kedua	01/12/2025	Sah
Tarikh Permohonan Ketiga	01/02/2026	Luput <i>*kerana tempoh sah laku sijil hanyalah setakat 31/12/2025</i>

3.9 Pengeluaran TCC adalah percuma dan tidak dikenakan sebarang yuran pemprosesan.

- 3.10 Carta alir pengeluaran TCC adalah seperti di **LAMPIRAN B2-1**.
- 3.11 Contoh TCC berstatus Patuh adalah seperti di **LAMPIRAN B2-2**, manakala contoh bagi TCC berstatus Tidak Patuh adalah seperti di **LAMPIRAN B2-3**.

4. PROSEDUR SEMAKAN KETULENAN TCC

- 4.1 Semakan ketulenan TCC boleh dilakukan melalui menu **Semakan Ketulenan TCC** di aplikasi *mobile* MyTax dengan mengimbas kod *Quick Response* (QR) yang dipaparkan di TCC.
- 4.2 Aplikasi *mobile* MyTax boleh dimuat turun dari platform penyedia seperti berikut:
 - 4.2.1 Google Play (Android);
 - 4.2.2 App Store (iOS); atau
 - 4.2.3 AppGallery (Huawei).
- 4.3 Maklumat-maklumat berikut akan dipaparkan di skrin telefon pintar setelah imbasan QR dilakukan:
 - 4.3.1 Nama Penuh
 - 4.3.2 No. Pengenalan/ No. Pendaftaran
 - 4.3.3 No. Pengenalan Cukai
 - 4.3.4 Status
 - 4.3.5 Tarikh Janaan Sijil
 - 4.3.6 Tarikh Luput Sijil
- 4.4 Sekiranya maklumat yang dipaparkan di aplikasi *mobile* MyTax adalah tidak lengkap atau berbeza dengan maklumat di TCC yang diberikan oleh pembayar cukai/ pembida, TCC tersebut adalah palsu dan tidak sah.
- 4.5 Contoh status pengesahan semakan ketulenan TCC adalah seperti di **LAMPIRAN B2-4**.

5. HUBUNGI KAMI


Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila:

- 5.1 E-mel ke tcc@hasil.gov.my ; atau
- 5.2 hubungi Hasil *Contact Centre* LHDNM di talian 03-8911 1000 (dalam negara) atau 603-8911 1100 (luar negara).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LAMPIRAN B2-1

**CARTA ALIR PENGELUARAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI
ATAU *TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC)***



LAMPIRAN B2-2

CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS PATUH

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

 **Malaysia**

Telefon : 03-8911 1000
(HASiL Care Line)
Portel Rasmi :
<https://www.hasil.gov.my>

Tarikh Janaan Sijil
}

Tarikh Luput Sijil
}

**SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)
BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN
(STATUS: PATUH)**

Adalah dengan ini, disahkan bahawa

telah memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang menunjukkan pemegang sijil ini tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berhak menarik balik status pematuhan yang diberikan melalui sijil ini.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).



**CONTOH SIJIL
UNTUK RUJUKAN SAHAJA**

CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS TIDAK PATUH



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Telefon : 03-8911 1000
(HASiL Care Line)
Portal Rasmi : <https://www.hasil.gov.my>

SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)
BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN
(STATUS: TIDAK PATUH)

Adalah dengan ini disahkan bahawa

tidak memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) seperti berikut:

☐ Tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan

☐ Mempunyai cukai/baki cukai tertunggak yang belum dijelaskan


Sila berurusan di pejabat LHDNM yang berdekatan atau e-mel ke alamat tcc@hasil.gov.my untuk penyelesaian isu di atas.

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).



CONTOH STATUS PENGESAHAN SEMAKAN KETULENAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI



**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI
ATAU TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC)**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS												
1.	Apakah itu Sijil Pematuhan Cukai atau <i>Tax Compliance Certificate</i> (TCC)?	TCC merupakan sijil akuan status pematuhan cukai yang menjadi sebahagian daripada dokumen prasyarat yang perlu dikemukakan oleh pembida semasa mengemukakan tawaran dalam perolehan Kerajaan.												
2.	Bilakah pelaksanaan penguatkuasaan TCC ini bermula?	Pelaksanaan TCC berkuatkuasa mulai 1 Julai 2025. Namun, bagi Surat Setuju Terima/Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan yang telah dikeluarkan sebelum 1 Julai 2025, pengemukaan TCC adalah tidak diwajibkan.												
3.	Apakah senario peringkat perolehan bagi keperluan dokumen TCC?	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th><th>Peringkat Perolehan</th><th>Pengemukaan TCC</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Senario 1</td><td>Perolehan yang diiklankan dan ditutup sebelum 1 Julai 2025 atau sedang di peringkat penilaian/ memuktamadkan perolehan</td><td>Proses perolehan boleh diteruskan sehingga peringkat Pihak Berkuasa Melulus (PBM). Pengemukaan TCC yang sah dijadikan sebagai syarat mandatori untuk dikemukakan oleh pembekal dilantik dan hendaklah ditetapkan dalam masa 7 hari selepas Surat Niat dikeluarkan oleh agensi.</td></tr> <tr> <td>Senario 2</td><td>Perolehan yang diiklankan dan ditutup selepas 1 Julai 2025</td><td>Pengemukaan TCC hendaklah dijadikan sebagai satu dokumen wajib dan perlu dikemukakan oleh pembida semasa menyertai perolehan Kerajaan.</td></tr> <tr> <td>Senario 3</td><td>Surat Setuju Terima (SST)/Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan dikeluarkan sebelum 1 Julai 2025</td><td>Pengemukaan TCC adalah tidak diwajibkan sepanjang tempoh kontrak/pelanjutan kontrak berkuat kuasa.</td></tr> </tbody> </table>		Peringkat Perolehan	Pengemukaan TCC	Senario 1	Perolehan yang diiklankan dan ditutup sebelum 1 Julai 2025 atau sedang di peringkat penilaian/ memuktamadkan perolehan	Proses perolehan boleh diteruskan sehingga peringkat Pihak Berkuasa Melulus (PBM). Pengemukaan TCC yang sah dijadikan sebagai syarat mandatori untuk dikemukakan oleh pembekal dilantik dan hendaklah ditetapkan dalam masa 7 hari selepas Surat Niat dikeluarkan oleh agensi.	Senario 2	Perolehan yang diiklankan dan ditutup selepas 1 Julai 2025	Pengemukaan TCC hendaklah dijadikan sebagai satu dokumen wajib dan perlu dikemukakan oleh pembida semasa menyertai perolehan Kerajaan.	Senario 3	Surat Setuju Terima (SST)/Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan dikeluarkan sebelum 1 Julai 2025	Pengemukaan TCC adalah tidak diwajibkan sepanjang tempoh kontrak/pelanjutan kontrak berkuat kuasa.
	Peringkat Perolehan	Pengemukaan TCC												
Senario 1	Perolehan yang diiklankan dan ditutup sebelum 1 Julai 2025 atau sedang di peringkat penilaian/ memuktamadkan perolehan	Proses perolehan boleh diteruskan sehingga peringkat Pihak Berkuasa Melulus (PBM). Pengemukaan TCC yang sah dijadikan sebagai syarat mandatori untuk dikemukakan oleh pembekal dilantik dan hendaklah ditetapkan dalam masa 7 hari selepas Surat Niat dikeluarkan oleh agensi.												
Senario 2	Perolehan yang diiklankan dan ditutup selepas 1 Julai 2025	Pengemukaan TCC hendaklah dijadikan sebagai satu dokumen wajib dan perlu dikemukakan oleh pembida semasa menyertai perolehan Kerajaan.												
Senario 3	Surat Setuju Terima (SST)/Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan dikeluarkan sebelum 1 Julai 2025	Pengemukaan TCC adalah tidak diwajibkan sepanjang tempoh kontrak/pelanjutan kontrak berkuat kuasa.												

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS		
4.	Apakah status TCC yang diperlukan mengikut kaedah perolehan?	Kaedah Perolehan		Status TCC
		a. Tender b. Sebut Harga c. Request For Proposal d. Lantikan Terus Berserta Kos Siling e. Rundingan Terus		Patuh (sah dan berkuat kuasa)
		a. Pembelian Terus b. Lantikan Terus c. Kerja-Kerja Requisition d. Item Khas / PK 7		Patuh (sah dan berkuat kuasa) / Tidak Patuh (sah)
		*TCC tidak terpakai ke atas pelaksanaan perolehan secara gotong-royong		
5.	Apakah yang dimaksudkan dengan TCC yang sah?	TCC yang tulen, sama ada berstatus 'Patuh' atau 'Tidak Patuh'. Semakan ketulenan TCC boleh dibuat melalui menu 'Semakan Ketulenan TCC' di aplikasi mudah alih MyTax dengan mengimbas kod Quick Response (QR) yang dipaparkan di TCC.		
6.	Adakah TCC yang berstatus 'Tidak Patuh' mempunyai tempoh kuatkuasa?	Tiada tempoh kuatkuasa yang dipaparkan pada TCC berstatus 'Tidak Patuh'. Walau bagaimanapun, agensi hendaklah memastikan TCC yang dikemukakan adalah sah.		
7.	Di peringkat manakah pengemukaan TCC diperlukan bagi kaedah perolehan berikut?	Pengemukaan TCC		
		Kaedah Perolehan	Semasa Proses Perolehan	Peringkat Bayaran
		a. Tender b. Sebut Harga c. Request For Proposal	Pengemukaan TCC hendaklah dijadikan sebagai satu dokumen wajib dan perlu dikemukakan oleh pembida semasa menyertai perolehan Kerajaan.	Tiada keperluan.

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS		
		a. Lantikan Terus Berserta Kos Siling b. Rundingan Terus	Pengemukakan TCC hendaklah ditetapkan dalam masa 7 hari selepas Surat Niat dikeluarkan oleh agensi.	Tiada keperluan.
		a. Pembelian Terus b. Lantikan Terus c. Kerja-Kerja <i>Requisition</i> d. Item Khas / PK 7	Pengemukakan TCC hendaklah dijadikan sebagai syarat wajib untuk dikemukakan oleh syarikat sebelum Pesanan Kerajaan atau Inden Kerajaan atau SST dikeluarkan.	Semasa padanan bayaran kali pertama sahaja.
8.	Siapakah yang mengeluarkan TCC?	TCC dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).		
9.	Bagaimanakah cara untuk mendapatkan TCC?	Pembayar cukai/ Pembida tidak perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan TCC. Setiap pembayar cukai yang mempunyai Nombor Pengenalan Cukai/ <i>Tax Identification Number</i> (TIN) dan rekod perniagaan berdaftar dengan HASiL akan mempunyai TCC secara automatik. TCC boleh disemak dan dicetak melalui Portal MyTax di menu Status MyTax.		
10.	Adakah sebarang bayaran dikenakan untuk mendapatkan TCC?	Pengeluaran TCC adalah percuma dan tidak dikenakan sebarang yuran pemprosesan.		
11.	Bagaimanakah cara untuk menyemak TCC di Portal MyTax?	Berikut adalah langkah mudah untuk menyemak TCC di Portal MyTax: 1. Log masuk ke Portal MyTax menggunakan nombor kad pengenalan/ passport dan kata laluan yang sama sepertimana pembayar cukai log masuk bagi tujuan e-Filing. 2. Klik pada ikon Status MyTax. 3. Klik pada ikon e-TCC.		

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
		4. Status TCC Patuh/ Tidak Patuh dipaparkan seperti berikut: a. TCC atas nama pemilik perniagaan (bagi kategori individu/ perniagaan pemilikan tunggal) b. TCC atas nama perniagaan (bagi kategori selain individu) 5. Cetak TCC. • Kaedah permohonan peranan boleh dirujuk seperti pautan berikut: https://mytax.hasil.gov.my > Panduan Pengguna > Manual Penggunaan Permohonan Peranan.
12.	Siapakah yang boleh menyemak TCC?	TCC boleh disemak oleh individu yang mempunyai peranan berikut di MyTax: a. Peranan Pengarah Syarikat: • Pengarah/ Setiausaha syarikat (bagi syarikat) • Ahli Kongsi/ Setiausaha (bagi perkongsian/ perkongsian liabiliti terhad) • Pengurus Utama/ Setiausaha/ Bendahari (bagi entiti perniagaan lain) b. Tidak perlu peranan: • Pemilik perniagaan (Bagi pemilikan tunggal) Rujuk kaedah permohonan peranan di pautan: https://mytax.hasil.gov.my > Panduan Pengguna > Manual Penggunaan Permohonan Peranan.
13.	Adakah wakil (seperti ejen cukai) dibenarkan membuat semakan TCC?	Tidak, hanya individu yang disenaraikan di Soalan 12 sahaja yang dibenarkan menyemak TCC.
14.	Apakah maksud status yang dipaparkan di TCC?	a. Patuh – Pembayar cukai/ Pembida mematuhi kriteria pematuhan cukai yang telah ditetapkan. b. Tidak Patuh – Pembayar cukai/ Pembida gagal mematuhi kriteria pematuhan cukai yang telah ditetapkan.

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
15.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya TCC memaparkan status Tidak Patuh?	Pembayar cukai/ Pembida perlu mengambil tindakan berikut: - Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui e-Filing di Portal MyTax; dan/atau - Membayar tunggakan cukai melalui ByrHASiL di Portal MyTax atau memohon bayaran secara ansuran daripada pejabat HASiL Negeri.
16.	Saya baru sahaja mendaftarkan perniagaan, apakah yang perlu dilakukan untuk mendapatkan TCC?	Pembayar cukai/ Pembida hendaklah mengambil tindakan berikut: - Membuat semakan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) melalui e-Daftar di Portal MyTax; dan - Emelkan dokumen pendaftaran perniagaan kepada tcc@hasil.gov.my untuk tindakan lanjut Urus Setia Pelaksanaan TCC HASiL.
17.	Perniagaan saya baru sahaja didaftarkan tetapi TCC memaparkan status Tidak Patuh kerana tidak mengemukakan BNCP, apakah tindakan yang perlu diambil?	Pembayar cukai/ Pembida perlu mengemukakan lampiran dokumen pendaftaran perniagaan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC HASiL melalui e-mel tcc@hasil.gov.my untuk semakan dan tindakan selanjutnya. Pembayar cukai/ Pembida akan dimaklumkan tindakan selanjutnya sekiranya perlu berdasarkan semakan oleh pihak Urus Setia Pelaksanaan TCC HASiL.
18.	Adakah TCC boleh digunakan untuk tujuan lain?	Tidak , TCC hanya dikeluarkan untuk menyertai perolehan Kerajaan sahaja.
19.	Saya menjalankan perniagaan pemilikan tunggal, bagaimanakah saya boleh mendapatkan TCC yang dikeluarkan atas nama perniagaan?	TCC bagi pembayar cukai/ pembida yang menjalankan perniagaan pemilikan tunggal akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan, bukan atas nama perniagaan. TCC tersebut boleh digunakan oleh pembayar cukai/ pembida untuk kesemua perniagaan pemilikan tunggal yang didaftarkan atas namanya.
20.	Adakah pembayar cukai/ pembida bagi kategori selain perniagaan pemilikan tunggal boleh mengemukakan TCC atas nama pemilik?	Tidak dibenarkan. Perniagaan bagi kategori selain pemilikan tunggal hendaklah mengemukakan TCC atas nama perniagaan .

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS																														
21.	Bagaimanakah cara untuk Pegawai Perolehan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyemak ketulenan TCC yang dikemukakan?	Pegawai Perolehan di PTJ boleh membuat semakan ketulenan TCC dengan menggunakan fungsi Semakan Ketulenan TCC di aplikasi mudah alih MyTax yang boleh dimuat turun dari platform penyedia seperti berikut: - Google Play (Android); - App Store (iOS); atau - AppGallery (Huawei).																														
22.	Bagaimanakah Pegawai Perolehan di PTJ hendak memastikan pembayar cukai/ pembida mengemukakan TCC bagi perniagaan yang betul?	Pegawai Perolehan di PTJ boleh memastikan TCC yang dikemukakan oleh perniagaan adalah mengikut TIN seperti berikut: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Jenis Perniagaan</th><th>TIN di TCC</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Syarikat</td><td>C</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Perkongsian Liabiliti Terhad</td><td>PT</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Koperasi</td><td>CS</td></tr> <tr> <td>4.</td><td>Badan Amanah</td><td>TA</td></tr> <tr> <td>5.</td><td>Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah</td><td>TC</td></tr> <tr> <td>6.</td><td>Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta</td><td>TR</td></tr> <tr> <td>7.</td><td>Pertubuhan</td><td>F</td></tr> <tr> <td>8.</td><td>Perkongsian</td><td>D</td></tr> <tr> <td>9.</td><td>Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)</td><td>IG</td></tr> </tbody> </table> Sekiranya Pegawai Perolehan di PTJ tidak dapat mengenal pasti sama ada TCC yang dikemukakan adalah betul bagi perniagaan yang dimohon, pengesahan boleh dibuat dengan mengemukakan pertanyaan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC HASiL melalui e-mel tcc@hasil.gov.my.	Bil.	Jenis Perniagaan	TIN di TCC	1.	Syarikat	C	2.	Perkongsian Liabiliti Terhad	PT	3.	Koperasi	CS	4.	Badan Amanah	TA	5.	Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah	TC	6.	Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta	TR	7.	Pertubuhan	F	8.	Perkongsian	D	9.	Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)	IG
Bil.	Jenis Perniagaan	TIN di TCC																														
1.	Syarikat	C																														
2.	Perkongsian Liabiliti Terhad	PT																														
3.	Koperasi	CS																														
4.	Badan Amanah	TA																														
5.	Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah	TC																														
6.	Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta	TR																														
7.	Pertubuhan	F																														
8.	Perkongsian	D																														
9.	Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)	IG																														

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
23.	Adakah terdapat pengecualian pengemukaan TCC oleh pembida/ pembayar cukai tertentu?	TCC wajib dikemukakan oleh semua pembida yang menyertai perolehan Kerajaan termasuk pembida dari negara ahli Perjanjian Perdagangan Bebas (<i>Free Trade Agreement</i> - FTA) dan pembida yang berada di zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas seperti ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990. Namun, TCC tidak perlu dikemukakan oleh pembida-pembida di bawah kategori berikut berikut: - Entiti yang berada <u>di bawah kawal selia langsung Kerajaan Persekutuan/Negeri</u>; - Entiti/individu yang tidak menjalankan aktiviti bercorak perniagaan atau komersil; dan - Pembida luar negara yang tidak mempunyai operasi atau kehadiran tetap (<i>permanent establishment</i>) atau tidak menjalankan perniagaan di Malaysia. Agensi/Kementerian boleh menghubungi pihak HASiL melalui emel: tcc@hasil.gov.my untuk mendapatkan penjelasan lanjut.
24.	Adakah TCC diperlukan bagi pembida berstatus Badan Berkanun (Persekutuan atau Negeri)?	Ya, TCC juga diperlukan oleh pembayar cukai/ pembida berstatus Badan Berkanun (Persekutuan atau Negeri). TCC dikeluarkan mengikut Nombor Pengenalan Cukai (TIN) yang didaftarkan atas nama Badan Berkanun (Persekutuan atau Negeri) melainkan pembida adalah anak syarikat kepada Badan Berkanun (Persekutuan atau Negeri). Contoh: - Bidaan dibuat oleh entiti di bawah kawal selia Badan Berkanun (Persekutuan atau Negeri) dan tidak mempunyai TIN. Oleh itu, TCC yang perlu dikemukakan adalah di atas nama Badan Berkanun (Persekutuan atau Negeri). - Bidaan dibuat oleh anak syarikat Badan Berkanun (Persekutuan atau Negeri). Oleh itu, TCC yang perlu dikemukakan adalah di atas nama anak syarikat.

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
		Agensi/Kementerian boleh menghubungi pihak HASiL melalui emel: tcc@hasil.gov.my untuk mendapatkan penjelasan lanjut.
25.	Adakah terdapat garis panduan rasmi bagi format <i>Surat Niat (Letter of Intent - LOI)</i> yang boleh dirujuk?	Agensi boleh merujuk format Surat Niat dalam Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan (PP/PK) 4.2/ Lampiran 4 dan dinasihatkan untuk mengubah intipati dalam Surat Niat tersebut mengikut kesesuaian selagi mana ia menjaga kepentingan Kerajaan.
26.	Bagaimana Agensi membuat bayaran kepada syarikat yang enggan mengemukakan TCC namun telah membekalkan/ menyempurnakan perkhidmatan pembekalan?	Agensi/Kementerian boleh menghubungi pihak HASiL melalui emel: tcc@hasil.gov.my untuk mendapatkan penjelasan lanjut.
27.	Bagaimanakah cara untuk menghubungi HASiL sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung TCC?	Pembayar cukai/ Pembida boleh menghubungi HASiL melalui saluran berikut: a. e-mel ke tcc@hasil.gov.my ; atau b. hubungi HASiL <i>Contact Centre</i> di talian 03-8911 1000 (dalam negara) atau 603-8911 1100 (luar negara).